

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 7 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 39



PEMANDANGAN bandar raya Kuching yang berjeribu dirakam dari udara pada pukul 11 pagi semalam. - BERNAMA

## Kualiti udara di Sarawak masih tidak sihat

**MIRI 6 Sept.** - Kualiti udara di enam kawasan di Sarawak masih tidak sihat apabila mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) lebih 100 dan jumlah titik panas semakin meningkat di negeri ini setakat pukul 4 petang.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Mejar Ismail Mahedin dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sarawak berkata, berdasarkan IPU Jabatan Alam Sekitar (JAS) petang ini, Sri Aman kekal mencatatkan bacaan tertinggi iaitu 181, meningkat berbanding 166 pagi tadi.

Kawasan lain turut me-

rekodkan peningkatan-bacaan berbanding pagi tadi iaitu Miri dan Kuching masing-masing 145, Samarahan 139, Sibu 127 dan Sarikei 120.

"Jumlah titik panas di Sarawak meningkat daripada empat pada pukul 9 pagi tadi kepada 12 titik panas yang dikesan di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Bintulu, Miri dan Limbang setakat pukul 4 petang ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, jumlah titik panas di Indonesia juga semakin bertambah kepada 1,393 setakat pukul 4 petang ini dengan 1,087 di Kalimantan dan 306 di Sumatera. - BERNAMA